

31/01/2002

## Kejutan Anita di Bukit Jalil

Zul Husni Abdul Hamid; Akmal Abdullah

SEKIAN lama menyimpan impian menghiburkan semua peminat di Malaysia, akhirnya hasrat itu hampir tercapai apabila penghibur antarabangsa, Anita Sarawak, bakal menjayakan satu konsert mega di Kuala Lumpur pada 7 April ini.

Anita yang sebelum ini berhijrah ke Las Vegas, Amerika Syarikat dan hanya sesekali pulang ke sini menjayakan persembahan Minggu Setiausaha pada setiap April, bagaikan tidak sabar-sabar lagi menanti tarikh bersejarah itu.

Anita yang ditemui bersama suaminya, Mohd Mahathir Abdullah, selepas tamat majlis Anugerah Planet Muzik 2002 (APM 2002) di Singapore Expo, Singapura, Sabtu lalu, berkata beliau akan menyanyikan rangkaian lagu popularnya sejak awal menceburi dunia seni pada konsert di Stadium Putra, Bukit Jalil itu.

"Akhirnya impian saya untuk menghiburkan peminat yang kurang berkemampuan bakal menjadi kenyataan. Sebelum ini, saya lebih banyak membuat persembahan di hotel saja dan ia membataskan peluang mereka yang kurang berkemampuan untuk sama-sama berhibur dengan pertunjukan saya.

"Konsert ini akan menampilkan pemuzik serta penyanyi latar dari Malaysia. Namun segalanya dalam perancangan," ujarnya.

Anak primadona Siput Sarawak itu berkata, kepulangannya ke Singapura juga membawa hajat besar untuk mendidik bakat muda sebagai persediaan membabitkan diri dalam dunia seni.

"Saya begitu berbesar hati andai kata dapat mengasuh mereka dengan pengalaman yang saya ada. Ia membabitkan penampilan diri, teknik persembahan dan motivasi selain cara mengatasi masalah berkaitan dunia seni," jelas penghibur yang lebih 35 tahun berpengalaman di pentas seni itu.

Anita yang dijadualkan membuat persembahan di Jakarta, Indonesia bersama penyanyi terkenal, Kris Dayanti kini sibuk dengan pelbagai program untuk siaran televisyen Singapura.

Selain beraksi dalam telefilem, Anita juga terbabit sebagai pengacara rancangan bentuk seni hiasan serta menjayakan sembilan episod program istimewa, A, yang menampilkan bakat baru dan lama dalam dunia seni suara.

Malah, diva pop yang sudah 15 tahun menimba pengalaman di Caesars Palace, Las Vegas itu tidak menolak kemungkinan bakal beraksi dalam sebuah filem cereka di mana skripnya diilhamkan sendiri oleh suaminya, Mahathir.

Pernah popular dengan lagu Asmara, Cinta Nan Satu dan Akhirnya Kini Pasti, penyanyi kelahiran 25 Mac 1952 itu turut menyatakan kerinduannya untuk kembali merakamkan album Melayu.

"Saya memang rindu merakamkan lagu Melayu. Saya masih lagi mencari komposer yang dapat bekerjasama. Mereka mesti sehati sejiwa dan tidak hanya mementingkan wang ringgit semata-mata," katanya yang sempat menjayakan konsert sempena sambutan Tahun Baru 2002 di Jepun.

Anita yang turut menerima Anugerah Pencapaian pada APM 2002, meluahkan rasa syukurnya kerana sekali lagi dipilih menerima anugerah khas itu selepas diiktiraf dalam Anugerah Bintang Popular Berita Harian, tahun lalu.

"Saya tersentuh dengan pemilihan itu. Ketika saya mula nyanyi dulu, tidak ada pun penganjuran majlis seperti ini. Ia memberi semangat kepada mereka yang baru dan lama dalam industri hiburan," katanya.

Sementara itu, dalam sidang media di Kuala Lumpur, penganjur Konsert

Anita mengumumkan kos persembahan itu mencecah sehingga RM800,000.

Konsert itu akan diadakan di Stadium Putra, Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil pada 7 April ini, jam 8.45 malam. Ia anjuran Senimalaya Event Management.

Pengurus Perbadanan Stadium Merdeka, Abu Bakar Kasim, berkata tahun ini sekali lagi pengurusan Kompleks Sukan Negara menganjurkan acara hiburan iaitu konsert mega seorang penghibur bertaraf antarabangsa, selepas kejayaan dua artis sebelumnya iaitu Siti Nurhaliza dan Scorpions.

"Kita menjanjikan satu persembahan hebat daripada Anita sebagaimana kita tahu beliau memang lincah di pentas. Ini konsert terbesar Anita selepas lebih 20 tahun tidak beraksi di stadium tempatan," katanya.

Sidang media itu turut menyaksikan majlis memeterai memorandum persefahaman antara penganjur dengan wakil Anita di Kuala Lumpur, Adlina Borhan.

Adlina berkata, Anita akan mendendangkan antara 18 hingga 20 lagu nostalgianya, termasuk lagu P Ramlee serta lagu Inggeris, Cina dan Tamil.

Difahamkan, Anita bakal beraksi selama dua jam. Peminat boleh mendapatkan tiket berharga RM60, RM100, RM130 dan RM250 yang dijual mulai Mac ini di beberapa pusat muzik sekitar Lembah Klang, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Singapura.

(END)